



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN LAPORAN
RASISME MALAYSIA 2024**

**21 MAC 2025
PERPUSTAKAAN KOMUNITI PETALING JAYA**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Hari ini adalah **Hari Antarabangsa Penghapusan Diskriminasi Perkauman**, satu hari yang amat penting dalam usaha global untuk menegakkan prinsip keadilan sosial.
2. Untuk makluman hari ini bukan sekadar peringatan, tetapi juga lambang **komitmen teguh** di peringkat global dan nasional dalam membasmi insiden **perkauman, diskriminasi kaum, penghinaan perkauman, dan prasangka** yang boleh menggugat keharmonian masyarakat.
3. Malaysia, sebagai sebuah negara yang **kaya dengan kepelbagaian agama, bangsa dan budaya**, sentiasa menitikberatkan nilai perpaduan, keharmonian, dan saling menghormati. **Kepelbagaian adalah kekuatan kita**, dan kita harus memastikan bahawa kepelbagaian ini terus menjadi pemangkin kepada kestabilan dan kemajuan negara.

4. Dalam usaha memperkukuhkan perpaduan, kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara telah memperkenalkan **Dasar Perpaduan Negara** sebagai panduan utama dalam membina sebuah masyarakat yang bersatu padu, harmoni, dan inklusif. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa komited dalam mempromosikan keharmonian sosial melalui pendekatan baharu iaitu **Harmoni Dalam Kepelbagaian dan pembinaan Negara Bangsa Progresif**.

5. Namun, kita tidak boleh menafikan bahawa cabaran masih wujud. Diskriminasi perkauman dalam apa jua bentuknya yang boleh merosakkan ikatan yang telah kita bina sekian lama. Oleh itu, adalah menjadi **tanggungjawab kita bersama** untuk memastikan bahawa prinsip integrasi nasional iaitu **Faham, Hormat dan Terima terus diamalkan dalam setiap aspek kehidupan**.

6. Pengurusan isu dan cabaran menyentuh konteks perpaduan memerlukan pendekatan dan inisiatif berterusan bagi memastikan keadaan perpaduan masyarakat sentiasa terpelihara. Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) tahun 2022 mencatat nilai 0.629 menunjukkan perpaduan nasional berada pada tahap sederhana dan terkawal. 10 defisit sosial yang perlu

diberikan perhatian adalah **Etnisiti, Agama, Kelas Sosial, Pendidikan, Bahasa, Jurang Generasi, Gender, Politik Federalisme, Media dan Ruang Bandar-Desa.**

7. Memahami isu dan cabaran perpaduan atau defisit sosial membantu semua pihak bersedia dalam berhadapan dengan pelbagai kemungkinan yang boleh menimbulkan kekacauan dan menggugat perpaduan.
8. Saya ingin menegaskan bahawa **diskriminasi dalam apa jua bentuk tidak seharusnya wujud dalam masyarakat kita.** Ia hanya akan merosakkan asas perpaduan yang telah kita bina selama ini. Oleh itu, marilah kita bersama-sama menolak **sikap prejudis, stereotaip negatif, dan sebarang bentuk ketidakadilan** yang berasaskan kaum atau agama.
9. Sempena Hari Antarabangsa Penghapusan Diskriminasi Perkauman ini, marilah kita menanam tekad untuk **membina Malaysia MADANI yang lebih bersatu-padu, inklusif, dan harmoni.** Bersama-sama, kita memastikan bahawa **generasi akan datang mewarisi negara yang bebas daripada segala bentuk diskriminasi.**

Sekian, Terima kasih.